

## BUDAYA MEMBACA BELIA ORANG ULU DI LIMBANG, SARAWAK

AHMAD NASIR MOHD YUSOFF, ARYATY ALWIE, JAFFARY AWANG  
& ABD RAHMAN MAHMOOD

### ABSTRAK

*Tinjauan awal mendapati kesedaran dan persepsi belia Orang Ulu di Bahagian Limbang Sarawak terhadap pembangunan modal insan masih di peringkat awal, termasuk kefahaman berkaitan keperluan kepada bidang-bidang kerja profesional. Terdapat belia luar bandar yang tidak memahami isu-isu semasa terutama yang berkaitan dengan keperluan pasaran kerja. Sehubungan itu kajian ini ingin mengenal pasti tahap pengamalan belia Orang Ulu terhadap budaya membaca dan tahap kesedaran mereka. Metodologi yang digunakan untuk melaksanakan kajian ini ialah kajian kepustakaan yang menyentuh secara umum lokasi penempatan belia Orang Ulu di Bahagian Limbang Sarawak. Kajian lapangan yang melibatkan survey dan temubual turut digunakan. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 254 orang responden dalam kalangan belia di Limbang. Kaedah temu bual yang dijalankan adalah secara rawak dan diikuti dengan pemerhatian. Hasil kajian mendapati terdapat impak positif dalam kalangan belia Orang Ulu yang minat membaca dengan dibantu oleh guru-guru dan pengaruh bahan-bahan bacaan lain yang turut merangsang perubahan iklim pendidikan dan pembelajaran kelompok Orang Ulu. Meskipun jauh di pedalaman ada kalangan belia mereka yang berjaya masuk ke universiti, bekerja dengan sektor kerajaan dan swasta serta persendirian sama ada sebagai usahawan, peniaga dan kontraktor.*

**Kata Kunci:** Kualiti, Modal Insan, Kesedaran, Pelajar, Orang Ulu

### ABSTRACT

*Early observation found that awareness and perception of Orang Ulu's youth in Limbang Sarawak on human capital development is still at its infancy. Rural youth are found to be lacking and do not understand current issues primarily related to the needs and requirements of the today's job market. The purpose of this study is to identify Orang Ulu's youth on reading and their awareness on reading culture. The library research method was used to conduct this research to find out the general facts on the placement of Orang Ulu youth in Limbang. The research fieldwork involving several methods were conducted. The questionnaire was distributed to 254 respondents. The in-depth interviews were utilised in random and supplemented with observations. The study found that there is a positive impact of Orang Ulu's youth on the habit of reading with the assistance of teachers and the influence of the availabilities of other reading materials which also spurred interest to education and learning among the respondents. Although there are located in remote areas, a number of them has been successful (i.e. attaining University degrees; working in both government and private sectors; being successful entrepreneurs, traders and*

*contractors*).

**Keywords:** *Quality, Human Capital, Awareness, Students, Orang Ulu*

## PENDAHULUAN

Limbang mula diisytiharkan sebagai bahagian setelah Sungai Lawas menjadi sebahagian daripada Sarawak (1905). Bermula saat itu Daerah Limbang dan Daerah Lawas dijadikan Bahagian Kelima dan akhirnya dikenali sebagai Bahagian Limbang. Residen Pertama mentadbir Limbang adalah O.F Ricketts. Proses Limbang menjadi bahagian melalui 4 fasa utama iaitu daripada Daerah Trusan (1885), Daerah Limbang (1890), Daerah Lawas (1905) dan Daerah Pandaruan (1905). Bahagian Limbang mempunyai 2 daerah utama iaitu Daerah Limbang dan Daerah Lawas serta 3 daerah kecil iaitu Daerah Kecil Nanga Medamit, Daerah Kecil Sundar dan Daerah Kecil Trusan. Limbang mempunyai keluasan tanah 7,012 km persegi, diikuti Daerah Kecil Limbang (3,978 km persegi) dan daerah Kecil Lawas (3,034 km persegi). Sejarah awal Limbang dikuasai keluarga Brooks (1941) dan Jepun. Gerakan kemerdekaan bermula pada tahun 1962 oleh golongan nasionalis muda diketuai Salleh Sambas dan usaha beliau berjaya membebaskan Limbang daripada penjajahan walaupun melibatkan pertempuran dan akhirnya Sarawak mencapai kemerdekaan tahun 1963. Residen yang mentadbir bahagian Limbang berjumlah 57 Residen (1890-1990). Kini Limbang ditadbir oleh En Maria Hasman (Jun 2004 hingga kini) dan dibantu oleh Encik Selamat Jati Anak Yanjah sebagai Timbalan Residen. Dalam pembangunan modal insan di Bahagian Limbang, kerajaan mengambil inisiatif menekankan pendidikan. Pada peringkat awal, pendidikan secara tidak formal seperti mengadakan kelas mengaji al Quran dan tulisan Jawi bagi kanak-kanak Islam bertempat di balai-balai raya dan rumah perseorangan dijalankan. Selepas 45 tahun Sarawak mencapai kemerdekaan, di Bahagian Limbang terdapat 66 buah sekolah rendah dan 9 buah sekolah menengah. Jumlah guru di sekolah rendah adalah seramai 1216 dan di sekolah menengah terdapat 575 guru yang mengajar 18,632 orang pelajar. Terdapat sebuah sekolah kluster di Bahagian Limbang iaitu Sekolah Kebangsaan Hulu Lubai yang amat produktif dan memiliki prasarana yang lengkap serta banyak menerima anugerah dan mengharumkan Bahagian Limbang Sarawak.

## PERSOALAN KAJIAN

Pada pemerhatian pengkaji kesedaran dan persepsi kalangan belia 'Orang Ulu' di bahagian Limbang terhadap amalan membaca dan halangannya masih di peringkat awal. Justeru kajian ini menarik minat pengkaji untuk menjawab beberapa persoalan berikut:

- a) Apakah faktor responden yang tidak minat membaca
- b) Apakah bahan bacaan yang dibaca dan klasifikasi bahan bacaan

- c) Bagaimana persepsi responden terhadap subjek sukar dan sebab-sebab kesukaran memahami sesuatu subjek,
- d) Adakah terdapat masalah peribadi yang menyumbang kepada kesukaran memahami subjek dan persekitaran yang boleh mengganggu tumpuan pembelajaran responden

### **KAJIAN LEPAS**

Kajian yang dilakukan oleh para penyelidik untuk melihat punca amalan membaca dan halangannya adalah berbeza-beza dan dapatan kajian yang ditinjau juga berbeza. Berdasarkan sorotan kajian yang telah dilakukan, kebanyakan kajian menyentuh kepada persoalan sikap. Dapatan hujah kajian Abdul Said Ambotang, Baharom Mohamad, Mohd Yusof Abdullah, Mohd Suhaimi Taat, Roslee Talip, Universiti Malaysia Sabah berkaitan faktor penyumbang terhadap pencapaian sifar UPSR Di Sarawak bahawa kegagalan ataupun kejayaan murid-murid dalam akademik dan UPSR bukan hanya bergantung kepada usaha guru semata-mata malah melibatkan penyertaan semua pihak yang merangkumi Jabatan Pelajaran, pengurus sekolah, guru-guru, murid-murid, para ibu bapa dan lain-lain yang lagi secara unik dan holistik. Sementara kajian kes oleh Mesri b. Sanip, Mohd Ali b. Mohammad, Mohd Thalji b. Bakery dan Nawang b. Mohammad daripada Fakulti Pengurusan Pendidikan Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berkaitan tajuk mengatasi masalah murid kurang minat membaca Sekolah Kebangsaan Murni Jaya, Kulai, Johor mendapati ada 4 faktor yang perlu diberi perhatian yang menjadi punca gangguan perkembangan tabiat membaca dalam kalangan pelajar iaitu lokasi perpustakaan yang kurang sesuai iaitu berada di tingkat atas bangunan sekolah sehingga menyebabkan kesukaran untuk pelajar pergi ke perpustakaan kerana terpaksa memanjat tangga yang tinggi, faktor masa yang mana pelajar terikat dengan jadual waktu kelas menjadikan tempoh untuk pelajar meminjam buku hanya pada waktu rehat semata-mata, sedangkan waktu tersebut pelajar terpaksa berbaris untuk membeli makanan di kantin dan seterusnya makan dan selepas itu terpaksa ke perpustakaan. Malahan kajian juga menunjukkan kegemaran pelajar yang lebih suka membaca buku-buku kartun, atau buku-buku berbentuk hiburan serta bermain komputer ini sememangnya menjadi minat pelajar yang memang lahir dalam dunia ledakan teknologi maklumat menyebabkan para pelajar lebih gemar mengakses maklumat yang tidak bersifat akademik. Manakala kajian oleh Tamam Timbang, Zamri Mahamod dan Afendi Hamat berhubung dengan faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam, dapatan kajian menunjukkan faktor penyumbang kepada kewujudan masalah membaca dalam kalangan pelajar sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam disebabkan oleh beberapa faktor seperti individu, psikologi, kaedah guru mengajar, masa pengajaran, persekitaran, dan bahan rujukan seperti buku teks. Manakala implikasi kerana kegagalan membaca seperti gagal dalam peperiksaan, menjejaskan pembelajaran subjek lain, kesukaran menghadapi peperiksaan, kesan psikologi dan kedudukan nombor di dalam kelas dihadapi oleh pelajar yang tidak boleh membaca. Implikasi kajian ini menjelaskan bahawa

kaedah pengajaran guru perlu diperbaiki dan ditingkatkan bagi mengatasi masalah membaca murid-murid darjah 6 di Brunei Darussalam. Sehubungan itu kajian ini ingin mengkaji budaya membaca dan bentuk-bentuk halangan yang dihadapi oleh golongan belia Orang Ulu di Limbang Sarawak berkaitan amalan dan halangan yang menjadi 'taboo' kepada permasalahan dan penguasaan ini.

## **METODOLOGI**

Dalam bidang penyelidikan, manhaj dan metod merupakan perkara yang amat penting kerana ia merupakan cara kerja yang hendak dilakukan atau memahami sesuatu objek yang sedang diteliti. Metod yang tepat dan bersesuaian dengan objektif dan tujuannya mampu menghasilkan suatu penyelidikan yang bermutu dan tinggi nilainya. Dalam bidang kajian ilmiah ini metodologi penyelidikan yang digunakan pengkaji iaitu metod pengumpulan data dan metod analisis data. Dua kaedah telah digunakan dalam membuat penyelidikan iaitu kaedah penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan. Dari aspek reka bentuk kajian, kajian ini berbentuk penerokaan kerana ia merupakan bidang baharu dan tiada sumber rujukan serta melibatkan golongan belia etnik minoriti yang belajar di kawasan sekolah luar bandar. Fokus kajian adalah kepada golongan belia daripada etnik minoriti Penan, Kenyah, Kelabit, Bisaya, Lun Bawang, Kedayan, Murut dan lain-lain daripada belia etnik Orang Ulu yang mendiami Limbang, Sarawak. Kaedah persampelan mudah dipraktikkan pengkaji dengan mengunjungi ke lokasi-lokasi kajian melibatkan beberapa buah kampung dan sekolah-sekolah terpilih di luar bandar dan mengadakan sesi temubual bersama belia-belia ini. Temubual dijalankan dengan beberapa responden bagi memperolehi data yang lengkap dan mendapat maklumat tepat daripada belia yang belajar di kawasan luar bandar. Penggunaan borang soal selidik turut dipraktikkan yang mengandungi beberapa persoalan tentang amalan membaca dan halangannya. Maklumat yang diperolehi dalam kajian ini berdasarkan maklumbalas menerusi borang soal selidik yang dibentuk dengan menggunakan 5 skala Likert dan catatan daripada temubual bersama responden. Seramai 254 daripada kalangan belia dijadikan sampel kajian dan diambil daripada pelbagai latar belakang etnik yang belajar di sekolah-sekolah menengah di bahagian pedalaman Limbang Sarawak antaranya SMK Limbang, SMK (A) Limbang, SMK Medamit, SMK Kubong dan SMK Patiambon

## **OBJEKTIF**

Secara umumnya, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pengamalan dan kesedaran terhadap budaya membaca dalam kalangan belia Orang Ulu di Bahagian Limbang Sarawak. Secara khususnya objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap amalan membaca kalangan belia Orang Ulu di Bahagian Limbang Sarawak.

2. Mengenal pasti tahap kesedaran belia Orang Ulu terhadap budaya membaca di Bahagian Limbang Sarawak

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

### BAHAGIAN A

Analisa daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada responden untuk dapatan bahagian A pengamalan membaca dapat ditunjukkan dalam Jadual 1-5. Berdasarkan pemerhatian dan kajian yang dijalankan di sekitar bahagian Limbang Sarawak, dapatan kajian (Jadual 1) menunjukkan taburan belia yang menerima pendidikan di sekolah menengah. Mereka yang menduduki tingkatan 5 iaitu seramai 109 orang (43.0%), diikuti tingkatan 4 seramai 75 orang (29.6%), tingkatan 6 seramai 62 orang (24.4%), tingkatan 1 seramai 6 orang (2.4%) dan masing-masing 1 orang (0.4%) daripada tingkatan 2 dan 3

**Jadual 1: Tingkatan**

<b>Tingkatan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
1	6	2.4
2	1	.4
3	1	.4
4	75	29.6
5	109	43.0
6	62	
<b>Jumlah</b>	<b>254</b>	<b>100</b>

Dapatan kajian (Jadual 2) menunjukkan bidang pengajian responden di sekolah. Responden yang berada dalam aliran sastera iaitu seramai 166 orang (65.4%), diikuti aliran sains seramai 47 orang (18.5%), aliran perdagangan iaitu seramai 37 orang (14.5%) dan aliran agama seramai 4 orang (1.6%).

**Jadual 2: Bidang Pengajian**

<b>Bil</b>	<b>Bidang pengajian</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
1	Sains	47	18.5
2	Sastera	166	65.4
3	Agama	4	1.6
4	Perdagangan	37	14.5
<b>Jumlah</b>		<b>254</b>	<b>100</b>

Jadual 3 menunjukkan taburan umur responden. Responden yang berusia 19 tahun iaitu seramai 19 orang (28%), diikuti 18 tahun seramai 35 orang (13.8%) , 17 tahun seramai 103 orang (40.5%), 16 tahun seramai 76 orang (30.0%), 15 tahun

seramai 1 orang (0.4%), 14 tahun seramai 1 orang (0.4%), 13 tahun seramai 9 orang (3.6%) dan 12 tahun seramai 1 orang (0.4%)

**Jadual 3: Umur**

Bil	Umur (Tahun)	Bilangan	Peratus (%)
1	12	1	0.4
2	13	9	3.6
3	14	1	0.4
4	15	1	0.4
5	16	76	30.0
6	17	103	40.5
7	18	35	13.8
8	19	28	11.1
<b>Jumlah</b>		<b>254</b>	<b>100</b>

Kajian menunjukkan (Jadual 4) taburan agama responden. Responden yang beragama Kristian seramai 224 orang (88.2%), diikuti Islam seramai 25 orang (9.9%) dan lain-lain seramai 5 orang atau 2.0%.

**Jadual 4: Agama**

Bil	Agama	Bilangan	Peratus (%)
1	Islam	25	9.9
2	Kristian	224	88.2
3	Lain-lain	5	2.0
<b>Jumlah</b>		<b>254</b>	<b>100</b>

Jadual 5 menunjukkan taburan kelompok etnik responden. Responden yang paling ramai adalah daripada etnik Bisaya iaitu seramai 99 orang (39.0%), diikuti Lun Bawang 50 orang (19.7%), Iban seramai 24 orang (9.5%), lain-lain 21 orang (8.3%), Melayu seramai 15 orang (5.9%), masing 11 orang (4.4%) iaitu Cina dan Kelabit, Penan seramai 8 orang (3.3%), Murut seramai 7 orang (2.8%), Kedayan seramai 5 orang (2.0%) dan Kenyah serami 3 orang atau 1.2%.

**Jadual 5: Bangsa**

Bil	Kumpulan etnik	Bilangan	Peratus (%)
1	Penan	8	3.3
2	Kenyah	3	1.2
3	Kelabit	11	4.4
4	Bisaya	99	39.0

5	Lain-lain	21	8.3
6	Lun Bawang	50	19.7
7	Melayu	15	5.9
8	Iban	24	9.5
9	Cina	11	4.4
10	Kedayan	5	2.0
11	Murut	7	2.8
<b>Jumlah</b>		<b>254</b>	<b>100</b>

## BAHAGIAN B

Analisa daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada responden untuk dapatan bahagian B iaitu mengenai pengamalan membaca dapat ditunjukkan dalam Jadual 1-9. Kajian menunjukkan (Jadual 6) faktor-faktor tidak minat membaca. Responden yang menyatakan sumber-sumber hiburan lain yang lebih menarik iaitu seramai 89 orang (34.6%) menyatakan setuju, diikuti amat setuju seramai 72 orang (28.0%), setuju sedikit iaitu 53 orang (20.6%), kurang setuju iaitu 22 orang (8.6%) dan tidak setuju iaitu 18 orang (7.0%). Faktor tidak ada galakan daripada ibu bapa iaitu seramai 85 orang (33.1%) menyatakan tidak setuju, diikuti 76 orang (29.6%) menyatakan kurang setuju, 44 orang (17.1 %) menyatakan setuju sedikit, 34 orang ( 13.2 %) menyatakan setuju dan 15 orang (5.8%) amat setuju. Manakala responden yang menyatakan tidak pernah melihat ibu bapa membaca iaitu seramai 124 orang (48.2%) menyatakan tidak setuju, diikuti seramai 73 orang (28.4%) kurang setuju, 33 orang (12.8%) setuju sedikit, 16 orang (6.2%) setuju dan 7 orang (2.7%) amat setuju.

Responden yang menyatakan kurang pendedahan tentang kepentingan membaca iaitu seramai 85 orang (33.1%) menyatakan kurang setuju, 85 orang (33.1%) kurang setuju, 54 orang (21.0%) setuju sedikit, 39 orang (15.2%) setuju dan 9 orang (3.5%) amat setuju. Seterusnya responden yang menyatakan harga buku atau bahan bacaan yang mahal iaitu seramai 64 orang (24.9%) menyatakan setuju sedikit, diikuti 63 orang (24.5%) amat setuju, 60 orang (23.3%) setuju. Manakala 34 orang (13.2%) dan 32 orang (12.5%) masing-masing menyatakan tidak setuju dan kurang setuju. Responden yang menyatakan kekurangan buku-buku berbentuk rekreasi di pasaran iaitu seramai 66 orang (25.7%) menyatakan setuju sedikit, diikuti seramai 62 orang (24.1%) menyatakan setuju, dan 42 orang (16.3%) amat setuju. Walaubagaimanapun terdapat 50 orang (19.5%) menyatakan kurang setuju dan 33 orang (12.8%) menyatakan tidak setuju. Terdapat juga responden yang menyatakan perpustakaan tidak memberi gambaran sebenar tentang judul-judul buku terkini yang perlu dibaca oleh rakyat Malaysia iaitu seramai 59 orang (23.0%) menyatakan amat setuju, diikuti 47 (18.3%) orang setuju. Manakala yang menyatakansetuju sedikit sramai 60 orang (23.3%), diikuti 52 orang (20.2%) kurang setuju dan 36 orang (14.0%) tidak setuju

**Jadual 6: Faktor Tidak Minat Membaca**

Bil	Kenyataan	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju Sedikit	Setuju	Amat Setuju	Jumlah (Purata)
1	Sumber-sumber hiburan lain yang lebih menarik.	18 7	22 8.6	53 20.6	89 34.6	72 28	254 (3.6890)
2	Tidak ada galakan daripada ibu bapa	85 33.1	76 29.6	44 17.1	34 13.2	15 5.8	254 (2.2835)
3	Tidak pernah melihat ibu bapa membaca.	124 48.2	73 28.4	33 12.8	16 6.2	7 2.7	253 (1.8498)
4	Kurang pendedahan tentang kepentingan membaca.	67 26.1	85 33.1	54 21.0	39 15.2	9 3.5	254 (2.3622)
5	Harga buku/bahan bacaan yang mahal	34 13.2	32 12.5	64 24.9	60 23.3	63 24.5	253 (3.3399)
6	Kekurangan buku-buku berbentuk rekreasi di pasaran	33 12.8	50 19.5	66 25.7	62 24.1	42 16.3	253 (3.1186)
7	Perpustakaan tidak memberi gambaran sebenar tentang judul-judul buku terkini yang perlu dibaca oleh rakyat Malaysia	36 14.0	52 20.2	60 23.3	47 18.3	59 23.0	254 (3.1614)

Kajian menunjukkan (Jadual 7) bahan bacaan yang dibaca oleh responden. Mereka yang menyatakan bahawa bahan yang dibaca adalah surat khabar iaitu seramai 92 orang (35.8%) menyatakan setuju, dan diikuti 41 orang (16.0%) amat setuju. Manakala responden yang menyatakan setuju sedikit seramai 68 orang (26.5%), diikuti 53 orang (20.6%) kurang setuju dan 3 orang (1.2%) tidak setuju. Responden yang menyatakan buku teks atau rujukan adalah seramai 93 orang (36.2%) menyatakan setuju sedikit, kurang setuju seramai 48 orang (18.7%) dan tidak setuju 2 orang (0.8%). Manakala yang menyatakan setuju seramai 83 orang (32.3%) dan 31 orang (12.1%) amat setuju.

Responden yang gemar membaca majalah akademik pula adalah seramai 95 orang (37.0%) menyatakan setuju sedikit, 66 orang (25.7%) kurang setuju dan 14 orang (5.4%) tidak setuju. Manakala yang menyatakan setuju 64 orang (24.9%) dan 18 orang (7.0%) amat setuju. Bahan bacaan lain seperti bahan kesusasteraan seramai 92 orang (35.8%) menyatakan kurang setuju, diikuti 80 orang (31.1%) setuju sedikit dan 30 orang (11.7%) tidak setuju. Manakala seramai 44 orang (17.1%) setuju dan 11 orang (4.3%) amat setuju. Seterusnya komik seramai 82 orang (31.9%) menyatakan amat setuju dan 74 orang (28.8%) setuju. Seramai 51 orang (19.8%) menyatakan kurang setuju, 40 orang (15.6%) setuju sedikit dan 10 orang (3.9%) tidak setuju. Responden yang membaca majalah popular seramai 78 orang (30.4%) menyatakan amat setuju, diikuti 67 orang (26.1%) setuju, 54 orang (21.0%) setuju sedikit, 47 orang (18.3%) kurang setuju dan 11 orang (4.3%) tidak setuju..



Arus perkembangan sains dan teknologi menjadikan responden menjadikan bahan internet sebagai bahan bacaan seramai 80 orang (31.1%) menyatakan amat setuju, diikuti 67 orang (26.1%) setuju. Manakala seramai 54 orang (21.0%) menyatakan setuju sedikit, 43 orang (16.7%) kurang setuju dan 13 orang (5.1%) menyatakan tidak setuju. Seterusnya ada responden yang suka membacabahan laporan atau tugas iaitu seramai 114 orang (44.4%) menyatakan setuju sedikit, diikuti 77 orang (30.0%) kurang setuju dan 21 orang (8.2%) tidak setuju. Manakala seramai 36 orang (14.0%) menyatakan setuju dan 9 orang (3.5%) amat setuju. Bahan-bahan bacaan lain antaranya iklan iaitu seramai 81 orang (31.5%) menyatakan setuju dan 45 orang (17.5%) amat setuju, diikuti 71 orang (27.6%) setuju sedikit. Dan seramai 47 orang (18.3%) kurang setuju dan 13 orang (5.1%) tidak setuju. Bahan sebaran seramai 82 orang (31.9%) yang menyatakan setuju sedikit, diikuti 67 orang (26.1%) kurang setuju dan tidak setuju seramai 40 orang (15.6%). Manakala yang menyatakan setuju dan amat setuju masing-masing adalah seramai 47 orang (18.3%) dan 21 orang (8.2%). Selanjutnya bahan bacaan seperti buku akademik seramai 93 orang (36.2%) menyatakan setuju sedikit, diikuti 83 orang (32.3%) setuju dan 18 orang (7.0%) amat setuju. Manakala seramai 47 orang (18.3%) kurang setuju dan 15 orang (5.8%) tidak setuju. Seterusnya buku agama seramai 95 orang (37.0%) menyatakan setuju, diikuti 66 orang (25.7%) amat setuju dan seramai 66 orang (25.7%) setuju sedikit, 25 orang (9.7%) kurang setuju dan 5 orang (1.9%) tidak setuju. Manakala bahan bacaan yang terakhir adalah majalah hiburan seramai 95 orang (37.0%) menyatakan setuju, diikuti 74 orang (28.8%) amat setuju, setuju sedikit seramai 47 orang (18.3%), kurang setuju 30 orang (11.7%) dan tidak setuju seramai 11 orang (4.3%).

**Jadual 7: Bahan Bacaan yang Dibaca**

Bil	Kenyataan	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju Sedikit	Setuju	Amat Setuju	Jumlah (Purata)
1	Surat khabar	3 1.2	53 20.6	68 26.5	92 35.8	41 16.0	257 (3.4475)
2	Buku teks/rujukan	2 0.8	48 18.7	93 36.2	83 32.3	31 12.1	257 (3.3619)
3	Majalah akademik	14 5.4	66 25.7	95 37.0	64 24.9	18 7.0	257 (3.0233)
4	Bahan kesusasteraan	30 11.7	92 35.8	80 31.1	44 17.1	11 4.3	257 (2.6654)
5	Komik	10 3.9	51 19.8	40 15.6	74 28.8	82 31.9	257 (3.6498)
6	Majalah popular	11 4.3	47 18.3	54 21.0	67 26.1	78 30.4	257 (3.5992)
7	Internet	13 5.1	43 16.7	54 21.0	67 36.1	80 31.1	257 (3.6148)
8	Laporan/tugasan	21 8.2	77 30.0	114 44.4	36 14.0	9 3.5	257 (2.7471)

9	Iklan	13 5.1	47 18.3	71 27.6	81 31.5	45 17.5	257 (3.3813)
10	Bahan sebaran	40 15.6	67 26.1	82 31.9	47 18.3	21 8.2	257 (2.7743)
11	Buku akademik	15 5.8	47 18.3	93 36.2	83 32.3	18 7.0	256 (3.1641)
12	Buku agama	5 1.9	25 9.7	66 25.7	95 37.0	66 25.7	257 (3.7471)
13	Majalah hiburan	11 4.3	30 11.7	47 18.3	95 37.0	74 28.8	257 (3.7432)

Dapatan kajian (Jadual 8) menunjukkan klasifikasi bahan yang dibaca oleh responden. Responden yang menyatakan bahan berkaitan maklumat semasa iaitu seramai 96 orang (37.4%) yang menyatakan setuju, diikuti 51 orang (19.8%) amat setuju, 63 orang (24.5%) setuju sedikit, 42 orang (16.3%) kurang setuju dan 5 orang (1.9%) amat setuju. Responden yang menyatakan bahan berkaitan hiburan iaitu seramai 92 orang (35.8%) yang menyatakan setuju, diikuti 77 orang (30.0%) amat setuju, 60 orang (23.3%) setuju sedikit, 25 orang (9.7%) kurang setuju dan 3 orang (1.2%) tidak setuju. Responden yang menyatakan bahan berkaitan perkembangan diri iaitu seramai 97 orang (37.7%) yang menyatakan setuju, diikuti 46 orang (17.9%) amat setuju, 88 orang (34.2%) setuju sedikit, 23 orang (8.9%) kurang setuju dan 3 orang (1.2%) tidak setuju. Responden yang menyatakan bahan berkaitan pekerjaan iaitu seramai 91 orang (35.4%) yang menyatakan setuju, diikuti 45 orang (17.5%) amat setuju, 75 orang (29.2%) setuju sedikit, 38 orang (14.8%) kurang setuju dan 8 orang (3.1%) tidak setuju.

Responden yang menyatakan bahan berkaitan motivasi iaitu seramai 87 orang (33.9%) yang menyatakan setuju sedikit, diikuti 47 orang (18.3%) kurang setuju, 10 orang (3.1%) tidak setuju, 83 orang (32.3%) setuju dan 30 orang (11.7%) amat setuju. Responden yang menyatakan bahan berkaitan sukan iaitu seramai 78 orang (30.4%) yang menyatakan setuju sedikit, diikuti 50 orang (19.5%) kurang setuju, 9 orang (3.5%) tidak setuju, 66 orang (25.7%) setuju dan 54 orang (21.0%) amat setuju. Responden yang menyatakan bahan berkaitan isu-isu lelaki iaitu seramai 78 orang (30.4%) yang menyatakan kurang setuju dan diikuti 66 orang (25.7%) setuju sedikit, 32 orang (12.5%) tidak setuju, 48 orang (18.7%) setuju dan 33 orang (12.8%) amat setuju. Responden yang menyatakan bahan berkaitan isu-isu wanita iaitu seramai 69 orang (26.8%) yang menyatakan setuju sedikit. Diikuti 59 orang (23.0%) kurang setuju, 22 orang (8.6%) tidak setuju, 63 orang (24.5%) setuju dan 44 orang (17.1%) amat setuju..

**Jadual 8: Klasifikasi Bahan yang Dibaca**

Bil	Kenyataan	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju Sedikit	Setuju	Amat Setuju	Jumlah (Purata)
1	Bahan berkaitan maklumat semasa	5 1.9	42 16.3	63 24.5	96 37.4	51 19.8	257 (3.5681)

2	Bahan berkaitan hiburan	3 1.2	25 9.7	60 23.3	92 35.8	77 30.0	257 (3.8366)
3	Bahan berkaitan perkembangan diri	3 1.2	23 8.9	88 34.2	97 37.7	46 17.9	257 (3.6226)
4	Bahan berkaitan pekerjaan	8 3.1	38 14.8	75 29.2	91 35.4	45 17.5	257 (3.4942)
5	Bahan berkaitan motivasi	10 3.9	47 18.3	87 33.9	83 32.3	30 11.7	257 (3.2957)
6	Bahan berkaitan sukan	9 3.5	50 19.5	78 30.4	66 25.7	54 21.0	257 (3.4125)
7	Bahan berkaitan isu-isu lelaki	32 12.5	78 30.4	66 25.7	48 18.7	33 12.8	257 (2.8911)
8	Bahan berkaitan isu-isu wanita	22 8.6	59 23.0	69 26.8	63 24.5	44 17.1	257 (3.1868)

Kajian (Jadual 9) menunjukkan faktor-faktor penghalang pelajar membaca. Responden yang menyatakan harga yang mahal iaitu 85 seramai orang (33.1%) menyatakan setuju, diikuti 69 orang (26.8%) amat setuju, 55 orang (21.4%) setuju sedikit, 26 orang (10.1%) dan 22 orang (8.6%). Responden yang menyatakan kekurangan masa iaitu seramai 80 orang (31.1%) yang menyatakan setuju sedikit, diikuti 50 orang (19.5%) kurang setuju, 18 orang (7.0%), manakala yang menyatakan setuju seramai 79 orang (30.7%) dan 30 orang (11.7%). Responden yang menyatakan tidak berminat/bermotivasi iaitu seramai 74 orang (28.8%) yang menyatakan kurang setuju, diikuti 74 orang (28.8%) kurang setuju, 34 orang (13.2%) tidak setuju, 51 orang (19.8%) setuju dan 24 orang (9.3%). Responden yang menyatakan tiada keperluan membaca iaitu seramai 77 orang (30.0%) yang menyatakan setuju sedikit, diikuti 72 orang (28.0%) kurang setuju dan 53 orang (20.6%) tidak setuju, 43 orang (16.7%) setuju dan 12 orang 4.7(%) amat setuju. Responden yang menyatakan sukar mendapatkan bahan iaitu seramai 72 orang (28.0%) yang menyatakan setuju, diikuti 30 orang (11.7%).

Manakala seramai 63 orang (24.5%) kurang setuju dan 30 orang (11.7%) amat setuju. Responden yang menyatakan kecacatan penglihatan iaitu seramai 156 orang (60.7 %) yang menyatakan tidak setuju, diikuti 43 orang (16.7%) kurang setuju, seramai 33 orang (12.8%) setuju sedikit, 13 orang (5.1%) amat setuju dan 12 orang (4.7%) setuju. Responden yang menyatakan halangan bahasa iaitu 80 seramai orang (31.1%) yang menyatakan, tidak setuju diikuti 60 orang (23.3%) kurang setuju, manakala seramai 65 orang (25.3%) kurang setuju, 35 orang (13.6%) setuju dan 17 orang (6.6%) kurang setuju. Responden yang menyatakan persekitaran yang tidak menggalakkan iaitu seramai 70 orang (27.2%) yang menyatakan setuju sedikit diikuti 61 orang (23.7%) kurang setuju dan 47 orang (18.3%), 55 orang (21.4%) setuju dan 24 orang (9.3%) amat setuju. Sementara responden yang menyatakan banyak kerja iaitu seramai 78 orang (30.4%) yang menyatakan setuju. Diikuti 56 orang (21.8%), orang (%) amat setuju, 54 borang (21.0%) setuju sedikit, 45 orang (17.5%) kurang setuju dan 24 orang (9.3%) tidak setuju.

**Jadual 9: Faktor Penghalang Pelajar Membaca**

Bil	Kenyataan	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju Sedikit	Setuju	Amat Setuju	Jumlah (Purata)
1	Harga yang mahal	22 8.6	26 10.1	55 21.4	85 33.1	69 26.8	257 (3.5953)
2	Kekurangan masa	18 7.0	50 19.5	80 31.1	79 30.7	30 11.7	257 (3.2062)
3	Tidak berminat/ bermotivasi	34 13.2	74 28.8	74 28.8	51 19.8	24 9.3	257 (2.8327)
4	Tiada keperluan membaca	53 20.6	72 28.0	77 30.0	43 16.7	12 4.7	257 (2.5681)
5	Sukar mendapatkan bahan	30 11.7	63 24.5	62 24.1	72 28.0	30 11.7	257 (3.0350)
6	Kecacatan penglihatan	156 60.7	43 16.7	33 12.8	12 4.7	13 5.1	257 (1.7665)
7	Halangan bahasa	80 31.1	60 23.3	65 25.3	35 13.6	17 6.6	257 (2.4125)
8	Persekitaran yang tidak menggalakkan	47 18.3	61 23.7	70 27.2	55 21.4	24 9.3	257 (2.7977)
9	Banyak kerja	24 9.3	45 17.5	54 21.0	78 30.4	56 21.8	257 (3.3774)

Dapatan kajian (Jadual 10) menunjukkan persepsi terhadap subjek sukar. Responden yang menyatakan matematik tidak banyak digunakan dalam aktiviti harian iaitu seramai 89 orang (34.6%) menyatakan setuju sedikit, diikuti 64 orang (24.9%) kurang setuju dan 37 orang (14.4%) yang tidak setuju. Manakala yang menyatakan setuju pula seramai 43 orang (16.7%) dan amat setuju seramai 24 orang (9.3%). Responden yang menyatakan subjek sains tidak banyak digunakan dalam aktiviti harian iaitu seramai 84 orang (32.7%) menyatakan kurang setuju, diikuti 80 orang (31.1%) yang setuju sedikit dan 51 orang (19.8%) tidak setuju. Responden yang menyatakan setuju adalah seramai 29 orang (11.3%) dan 13 orang (5.1%) yang menyatakan amat setuju. Disamping itu terdapat responden yang menyatakan saya tidak akan menggunakan bahasa Inggeris pada masa akan datang iaitu seramai 110 orang (42.8%) menyatakan tidak setuju, diikuti 93 orang (36.2%) kurang setuju dan seramai 33 orang (12.8%) menyatakan setuju sedikit dan 14 orang atau 5.4% menyatakan setuju dan 7 orang atau 2.7% amat setuju. Manakala responden yang menyatakan saya tidak akan menggunakan Bahasa Melayu pada masa akan datang iaitu seramai 140 orang (54.5%) menyatakan tidak setuju, diikuti 86 orang (33.5%) kurang setuju dan seramai 19 orang (7.4%) menyatakan setuju sedikit dan masing-masing 6 orang atau 2.3% menyatakan setuju dan amat setuju.

**Jadual 10: Persepsi Terhadap Subjek Sukar**

Bil	Kenyataan	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju Sedikit	Setuju	Amat Setuju	Jumlah (Purata)
1	Matematik tidak banyak digunakan dalam aktiviti harian	37 14.4	64 24.9	89 34.6	43 16.7	24 9.3	257 (2.8171)
2	Sains tidak banyak digunakan dalam aktiviti harian	51 19.8	84 32.7	80 31.1	29 11.3	13 5.1	257 (2.4903)
3	Saya tidak akan menggunakan bahasa Inggeris pada masa akan datang.	110 42.8	93 36.2	33 12.8	14 5.4	7 2.7	257 (1.8911)
4	Saya tidak akan menggunakan bahasa Melayu pada masa akan datang.	140 54.5	86 33.5	19 7.4	6 2.3	6 2.3	257 (1.6459)

Kajian (Jadual 11) menunjukkan sebab mereka menghadapi kesukaran mempelajari subjek-subjek yang diajar di sekolah. Responden yang menyatakan tiada buku teks iaitu seramai 126 orang (49.0%) tidak setuju, diikuti 63 orang (24.5%) menyatakan kurang setuju, diikuti 30 orang (11.7%) setuju sedikit, manakala 27 orang (10.5%) setuju dan 11 orang (4.3%) amat setuju. Responden yang menyatakan isi kandungan buku teks tidak terkini iaitu seramai 75 orang (29.2%) menyatakan kurang setuju, diikuti 62 orang (24.2%) tidak setuju, 58 orang (22.6%) setuju sedikit, 42 orang (16.3%) setuju dan 20 orang (7.8%) amat setuju. Responden yang menyatakan tiada kaitan dengan pasaran kerja iaitu seramai 79 orang (30.7%) menyatakan setuju sedikit, diikuti 78 orang (30.4%) kurang setuju, 54 orang (21.0%) tidak setuju, 34 orang (13.2%) setuju dan 12 orang (4.7%) amat setuju. Responden yang menyatakan tiada kaitan dengan amalan kehidupan iaitu seramai 87 orang (33.9%), diikuti 63 orang (24.5%) tidak setuju, 64 orang (24.9%) setuju sedikit, 34 orang (13.2%) setuju dan 9 orang (3.5%) amat setuju. Responden yang menyatakan terlalu rumit seramai 77 orang (30.0%) menyatakan setuju sedikit, diikuti 64 orang (24.9%) kurang setuju, 35 orang (13.6%) tidak setuju, 52 orang (20.2%) setuju dan 29 orang (11.3%) amat setuju. Responden yang menyatakan tidak faham apa yang guru ajar iaitu seramai 95 orang (37.0%) menyatakan setuju sedikit, diikuti 59 orang (23.0%) kurang setuju, 31 orang (12.1%) tidak setuju, 58 orang (22.6%) setuju dan 27 orang (10.5%) amat setuju. Responden yang menyatakan kurang minat iaitu seramai 83 orang (32.3%), diikuti 59 orang (23.0%) kurang setuju, 31 orang (12.1%) tidak setuju, 63 orang (24.5%) setuju dan 21 orang (8.2%) amat setuju.

Manakala responden yang menyatakan cara guru mengajar iaitu seramai 93 orang (36.2%) yang menyatakan setuju sedikit, diikuti 42 orang (16.3%) kurang setuju, 19 orang (7.4%), 67 orang (26.1%) setuju dan 36 orang (14.0%) amat setuju. Responden yang menyatakan guru kerap berganti iaitu seramai 88 orang (34.2%) yang menyatakan setuju sedikit, diikuti 70 orang (27.2%) kurang setuju, 27 orang (10.5%) tidak setuju, 46 orang (17.9%) setuju dan 26 orang (10.1%) amat setuju. Responden yang menyatakan guru yang sama mengajar bertahun-tahun iaitu seramai 75 orang (29.2%), diikuti 63 orang (24.5%) setuju sedikit, 53 orang (20.6%) tidak setuju, 41 orang (16.0%) setuju dan 25 orang (9.7%) amat setuju. Responden yang menyatakan sukatan pelajaran terlalu luas iaitu seramai 86 orang (33.6%), diikuti 49 orang (19.1%) kurang setuju, 25 orang (9.8%) tidak setuju, 62 orang (24.2%) setuju dan 34 orang (13.3%) amat setuju. Responden yang menyatakan istilah-istilah dalam buku sukar difahami iaitu seramai 97 orang (37.9%) yang menyatakan setuju sedikit, diikuti 45 orang (17.6%) kurang setuju dan seramai 17 orang (6.6%) tidak setuju, 59 orang (23.0%) setuju dan 38 orang (14.8%) amat setuju. Responden yang menyatakan banyak formula iaitu seramai 74 orang (28.8%) yang menyatakan setuju sedikit, diikuti 31 orang (12.1%) kurang setuju, 15 orang (5.8%) tidak setuju, 73 orang (28.4%) setuju dan 64 orang (24.9%) amat setuju. Responden yang menyatakan masa pembelajaran yang padat iaitu seramai 77 orang (30.0%) yang menyatakan setuju, diikuti 64 orang (24.9%) amat setuju, 67 orang (26.1%) setuju sedikit, 36 orang (14.0%) kurang setuju dan 13 orang (5.1%) tidak setuju. Responden yang menyatakan banyak subjek perlu dihabiskan dengan masa terhad iaitu seramai 89 orang (34.6%) yang menyatakan setuju, diikuti 66 orang (25.7%) amat setuju, 62 orang (24.1%) setuju sedikit, 26 orang (10.1%) kurang setuju dan 14 orang (5.4%) tidak setuju. Responden yang menyatakan sukar fahami soalan iaitu seramai 94 orang (36.6%) yang menyatakan setuju sedikit, diikuti 27 orang (10.5%) kurang setuju, 11 orang (4.3%) tidak setuju, 75 orang (29.2%) setuju dan 50 orang (19.5%) amat setuju. Responden yang menyatakan tiada tajaan atau bantuan pelajaran iaitu seramai 87 orang (33.9%) yang menyatakan setuju sedikit, diikuti 62 orang (24.1%) kurang setuju, 24 orang (10.1%), 54 orang (21.1%) setuju dan 30 orang (11.7%) amat setuju. Responden yang menyatakan bahan rujukan tidak mencukupi iaitu seramai 80 orang (31.1%) yang menyatakan setuju sedikit, diikuti 45 orang (17.5%) kurang setuju, 26 orang (10.1%) tidak setuju, 69 orang (26.8%) setuju dan 37 orang (14.4%) amat setuju. Responden yang menyatakan fakta yang berbeza daripada bahan rujukan iaitu seramai 84 orang (32.7%) setuju sedikit, diikuti 47 orang (18.3%) kurang setuju, 19 orang (7.4%) tidak setuju, 59 orang (23.0%) setuju dan 48 orang (18.7%) amat setuju. Manakala responden yang menyatakan masalah peribadi iaitu seramai 75 orang (29.2%) yang menyatakan setuju sedikit, diikuti 47 orang (18.3%) kurang setuju, 33 orang (12.8%) tidak setuju, 57 orang (22.2%) setuju dan 45 orang (17.5%) amat setuju

**Jadual 11: Sebab Kesukaran Subjek**

Bil	Kenyataan	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju Sedikit	Setuju	Amat Setuju	Jumlah (Purata)
1	Tiada buku teks	126 49.0	63 24.5	30 11.7	27 10.5	11 4.3	257 (1.9650)
2	Isi kandungan buku teks tidak terkini	62 24.2	75 29.2	58 22.6	42 16.3	20 7.8	257 (2.5447)
3	Tiada kaitan dengan pasaran kerja	54 21.0	78 30.4	79 30.7	34 13.2	12 4.7	257 (2.5019)
4	Tiada kaitan dengan amalan kehidupan	63 24.5	87 33.9	64 24.9	34 13.2	9 3.5	257 (2.3735)
5	Terlalu rumit	35 13.6	64 24.9	77 30.0	52 20.2	29 11.3	257 (2.9066)
6	Tidak faham apa yang guru ajar	18 7.0	59 23.0	95 37.0	58 22.6	27 10.5	257 (3.0661)
7	Kurang minat	31 12.1	59 23.0	83 32.3	63 24.5	21 8.2	257 (2.9377)
8	Cara guru mengajar	19 7.4	42 16.3	93 36.2	67 26.1	36 14.0	257 (3.2277)
9	Guru kerap berganti	27 10.5	70 27.2	88 34.2	46 17.9	26 10.1	257 (3.2296)
10	Guru yang sama mengajar bertahun-tahun	53 20.6	75 29.2	63 24.5	41 16.0	25 9.7	257 (2.6498)
11	Sukatan pelajaran terlalu luas	25 9.8	49 19.1	86 33.6	62 24.2	34 13.3	256 (3.1211)
12	Istilah-istilah dalam buku sukar difahami	17 6.6	45 17.6	97 37.9	59 23.0	38 14.8	256 (3.2188)
13	Banyak formula	15 5.8	31 12.1	74 28.8	73 28.4	64 24.9	257 (3.5447)
14	Masa pembelajaran yang padat	13 5.1	36 14.0	67 26.1	77 30.0	64 24.9	257 (3.5564)
15	Banyak subjek perlu dihabiskan dengan masa terhad	14 5.4	26 10.1	62 24.1	89 34.6	66 25.7	257 (3.6498)
16	Sukar fahami soalan	11 4.3	27 10.5	94 36.6	75 29.2	50 19.5	257 (3.4903)
17	Tiada tajaan / bantuan pelajaran	24 9.3	62 24.1	87 33.9	54 21.0	30 11.7	257 (3.0156)
18	Bahan rujukan tidak mencukupi	26 10.1	45 17.5	80 31.1	69 26.8	37 14.4	257 (3.1790)
19	Fakta yang berbeza daripada bahan rujukan	19 7.4	47 18.3	84 32.7	59 23.0	48 18.7	257 (3.2724)
20	Masalah peribadi	33 12.8	47 18.3	75 29.2	57 22.2	45 17.5	257 (3.1323)

Kajian (Jadual 12) menunjukkan masalah peribadi yang menyumbang kepada kesukaran memahami subjek. Responden yang menyatakan sukar ingat fakta dengan baik iaitu seramai 104 orang (40.5%) menyatakan setuju, diikuti setuju sedikit seramai 74 orang (28.8%), amat setuju 49 orang atau 19.1%, 23 orang (8.9%) kurang setuju dan 7 orang (2.7%) tidak setuju. Responden yang menyatakan lambat memahami apa yang diajar dalam kelas seramai 95 orang (37.0%) menyatakan setuju sedikit, diikuti 84 orang (32.7%) setuju dan 30 orang (11.7%) amat setuju. Manakala responden yang menyatakan kurang setuju seramai 38 orang (14.8%) dan 10 orang (3.9%) tidak setuju. Responden yang menyatakan sukar beri tumpuan dalam kelas seramai 94 orang (36.6%) setuju sedikit, diikuti 79 orang (30.7%) setuju, 43 orang (16.7%) amat setuju, 33 orang (12.8%) kurang setuju dan 8 orang (3.1%) tidak setuju. Responden yang menyatakan tidak fokus ketika sesi pembelajaran seramai 88 orang (34.2%) menyatakan setuju sedikit, diikuti seramai 84 orang (32.7%) setuju dan 28 orang (10.9%) amat setuju. Responden yang menyatakan kurang setuju pula seramai 44 orang (17.1%) dan 13 orang (5.1%) Responden yang menyatakan cepat putus asa seramai 82 orang (31.9%) menyatakan setuju sedikit, diikuti 47 orang (18.3%) setuju, 22 orang (8.6%) amat setuju, dan responden yang menyatakan kurang setuju seramai 64 orang (24.9%) kurang setuju dan 42 orang (16.3%) tidak setuju. Responden yang menyatakan malas seramai 82 orang (31.9%) menyatakan setuju sedikit, diikuti 54 orang (21.0%) setuju, 40 orang (15.6%) amat setuju, 42 orang (16.3%) kurang setuju dan 39 orang (15.2%) tidak setuju.

Disamping itu terdapat juga, responden yang menyatakan belajar tidak sistematik seramai 83 orang (32.3%) menyatakan setuju, diikuti 71 orang (27.6%) setuju dan 21 orang (8.2%) amat setuju dan terdapat responden yang kurang setuju seramai 60 orang (23.3%) dan 15 orang (5.8%) tidak setuju. Responden yang menyatakan tidak berfikiran tajam seramai 100 orang (38.9%) menyatakan setuju sedikit, 74 orang (28.8%) setuju, 21 orang (8.2%) amat setuju, 44 orang (17.1%) kurang setuju dan 18 orang (7.0%) tidak setuju. Responden yang menyatakan tidak berminat pada subjek-subjek tertentu seramai 81 orang (31.6%) menyatakan setuju, diikuti 45 orang (17.6%) setuju. Manakala yang menyatakan setuju sedikit seramai 68 orang (26.6%), kurang setuju seramai 43 orang (16.8%) dan tidak setuju 19 orang atau 7.4%). Selain itu isu gangguan atau masalah kesihatan seramai 77 orang (30.0%), menyatakan setuju sedikit, diikuti 65 orang (25.3%) kurang setuju dan tidak setuju seramai 37 orang (14.4%). Manakala responden yang menyatakan tidak tahu urus masa seramai 78 orang (30.4%) menyatakan setuju, diikuti 30 orang (11.7%) amat setuju. Manakala yang menyatakan setuju sedikit seramai 72 orang (28.0%), kurang setuju 55 orang (21.4%) dan tidak setuju 22 orang (8.6%). Responden yang menyatakan tidak tahu teknik belajar berkesan iaitu seramai 86 orang (33.5%) menyatakan setuju, diikuti 48 orang (18.7%) amat setuju. Responden yang menyatakan setuju sedikit pula seramai 70 orang (27.2%), 34 orang (13.2%) kurang setuju dan 19 orang (7.4%) tidak setuju.



**Jadual 12: Masalah Peribadi yang Menyumbang kepada Kesukaran Fahami Subjek**

Bil	Kenyataan	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju Sedikit	Setuju	Amat Setuju	Jumlah (Purata)
1	Sukar ingat fakta dengan baik	7 2.7	23 8.9	74 28.8	104 40.5	49 19.1	257 (3.6420)
2	Lambat memahami apa yang diajar dalam kelas	10 3.9	38 14.8	95 37.0	84 32.7	30 11.7	257 (3.3346)
3	Sukar beri tumpuan dalam kelas	8 3.1	33 12.8	94 36.6	79 30.7	43 16.7	257 (3.4514)
4	Tidak fokus ketika sesi pembelajaran	13 5.1	44 17.1	88 34.2	84 32.7	28 10.9	257 (3.2724)
5	Cepat putus asa	42 16.3	64 24.9	82 31.9	47 18.3	22 8.6	257 (2.7782)
6	Malas	39 15.2	42 16.3	82 31.9	54 21.0	40 15.6	257 (3.0545)
7	Belajar tidak sistematik	15 5.8	60 23.3	83 32.3	71 27.6	28 10.9	257 (3.1440)
8	Tidak berfikiran tajam	18 7.0	44 17.1	100 38.9	74 28.8	21 8.2	257 (3.1401)
9	Tidak berminat pada subjek-subjek tertentu	19 7.4	43 16.8	68 26.6	81 31.6	45 17.6	256 (3.3516)
10	Gangguan /masalah kesihatan	37 14.4	65 25.3	77 30.0	54 21.0	24 9.3	257 (2.8560)
11	Tidak tahu urus masa	22 8.6	55 21.4	72 28.0	78 30.4	30 11.7	257 (3.1518)
12	Tidak tahu teknik belajar berkesan	19 7.4	34 13.2	70 27.2	86 33.5	48 18.7	257 (3.4280)

Kajian menunjukkan (Jadual 13) persekitaran yang mengganggu tumpuan pembelajaran pelajar. Responden yang menyatakan suasana kelas yang bising iaitu seramai 111 orang (43.4%) menyatakan amat setuju, diikuti 77 orang (30.1%) menyatakan setuju. Manakala responden yang menyatakan setuju sedikit adalah seramai 36 orang (14.1%), diikuti 21 orang (8.2%) tidak setuju dan seramai 11 orang (4.3%) kurang setuju. Responden yang menyatakan setuju kawasan kelas tidak kondusif seramai 74 orang (28.9%), diikuti amat setuju seramai 71 orang (27.7%), setuju sedikit 63 orang (24.6%), kurang setuju 29 orang (11.3% dan 19 orang atau 7.4% tidak setuju. Manakala responden yang menyatakan tidak ada kelengkapan pembelajaran di sekolah seramai 68 orang (26.6%) menyatakan setuju sedikit, diikuti 62 orang (24.2%) setuju, 48 orang (18.8%) amat setuju, 48 orang (18.8%) juga menyatakan kurang setuju dan seramai 30 orang atau 11.7% tidak setuju. Kesimpulan dapatan kajian ini menunjukkan faktor-faktor di atas menjadi penyebab kepada pelajar untuk menumpukan pembelajaran dalam kelas dan pada masa yang sama menunjukkan pelajar memang berminat belajar sekiranya tiada gangguan-gangguan di atas. Seperti kajian yang dilakukan oleh Hj Tamban b.Hj Timbang menyatakan terdapat enam punca yang menjadi penyebab wujudnya

masalah peribadi hingga pelajar tidak berupaya membaca dengan baik. Antaranya disebabkan oleh kaedah atau cara guru mengajar, pengaruh persekitaran, cabaran psikologi, diri sendiri atau individu, tempoh masa pengajaran yang agak padat dan bahan atau teks yang digunakan dalam sesi pembelajaran dalam kuliah yang tidak praktis dan sesuai dengan pembentukan jiwa pelajar

**Jadual 13: Persekitaran Yang Ganggu  
Tumpuan Pembelajaran**

Bil	Kenyataan	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju Sedikit	Setuju	Amat Setuju	Jumlah (Purata)
1	Suasana kelas yang bising	21 8.2	11 4.3	36 14.1	77 30.1	111 43.4	256 (3.9609)
2	Kawasan sekitar kelas tidak kondusif	19 7.4	29 11.3	63 24.6	74 28.9	71 27.7	256 (3.5820)
3	Tidak ada kelengkapan pembelajaran di sekolah	30 11.7	48 18.8	68 26.6	62 24.2	48 18.8	256 (3.1953)

Dapatan kajian (Jadual 14) menunjukkan faktor keluarga yang mempengaruhi kesukaran memahami subjek. Kesemua responden yang menyatakan sibuk dengan tanggungjawab keluarga seperti menjaga adik-adik yang kecil iaitu seramai 64 orang (25.0%) menyatakan kurang setuju diikuti seramai 61 orang (23.8%) setuju sedikit dan 49 orang (19.11%) menyatakan tidak setuju. Terdapat 50 orang (19.5%) menyatakan setuju dan 32 orang (12.5%) menyataakan amat setuju. Responden yang menyatakan faktor tekanan keluarga (cth: ibu bapa bergaduh) iaitu seramai 62 orang (24.2%) menyatakan kurang setuju dan 66 orang (25.8%) menyatakan tidak setuju. Manakala seraamai 56 orang (21.9%) menyatakan setuju sedikit, 47 orang (18.4%) menyatakan setuju dan 25 orang (9.8%) menyatakan amat setuju. Manakala responden yang menyatakan tidak ada tempat rujuk untuk bertanyakan masalah-masalah pembelajaran, seramai 62 (24.2%) orang menyatakan setuju dan seramai 69 (27.0%) orang menyatakan setuju sedikit dan 36 orang (14.1%) menyatakan amat setuju. Diikuti seramai 57 orang (22.3%) menyatakan kurang setuju, diikuti seramai 32 orang (12.5%) tidak setuju. Responden yang menyatakan tiada bantuan pihak lain kecuali guru sahaja adalah seramai 71 orang (27.7%) menyatakan setuju sedikit dan seramai 53 (20.7%) orang menyatakan setuju dan 43 orang (16.8%) menyatakan amat setuju. Manakala seramai 51 orang (19.9%) menyatakan kurang setuju dan seramai 38 orang (14.8%) menyatakan tidak setuju. Responden yang menyatakan tidak cukup wang untuk membeli buku atau nota tambahan seramai 72 (28.1%) orang menyatakan setuju sedikit dan seramai 54 (21.1 %) orang menyatakan setuju dan 40 orang (15.6%) menyatakan amat setuju. Manakala seramai 52 orang (20.3%) menyatakan kurang setuju dan seramai 38 orang (14.8%) menyatakan tidak setuju. Keseluruhan dapatan menunjukkan faktor-faktor yang dinyatakan di atas tidak mempengaruhi minat pelajar untuk belajar dan mendalami subjek yang sukar difahami.

**Jadual 14: Faktor Keluarga Yang Mempengaruhi Kesukaran Fahami Subjek**

Bil	Kenyataan	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju Sedikit	Setuju	Amat Setuju	Jumlah (Purata)
1	Sibuk dengan tanggungjawab keluarga (cth:perlu jaga adik-beradik kecil)	49 19.1	64 25.0	61 23.8	50 19.5	32 12.5	256 (2.8125)
2	Tekanan keluarga (cth: ibu bapa bergaduh)	66 25.8	62 24.2	56 21.9	47 18.4	25 9.8	256 (2.6211)
3	Tidak ada tempat rujuk untuk bertanyakan masalah-masalah pembelajaran	32 12.5	57 22.3	69 27.0	62 24.2	36 14.1	256 (3.0508)
4	Tiada bantuan pihak lain kecuali guru sahaja	38 14.8	51 19.9	71 27.7	53 20.7	43 16.8	256 (3.0469)
5	Tidak cukup wang beli buku/nota tambahan	38 14.8	52 20.3	72 28.1	54 21.1	40 15.6	256 (3.0078)

### KESIMPULAN

Dapatan kajian ini dapat memberi banyak maklumat peri penting tentang tahap pengamalan dan halangan yang dihadapi bagi menarik minat pelajar membaca. Setiap isu yang dibincangkan ada huraian dan pandangan pelajar apabila diajukan pertanyaan terutama yang melibatkan faktor tidak minat membaca, bahan bacaan yang dibaca, klasifikasi bahan yang dibaca, faktor penghalang pelajar membaca, persepsi terhadap subjek sukar, sebab kesukaran subjek, masalah peribadi yang menyumbang kepada kesukaran fahami subjek, persekitaran yang mengganggu tumpuan pembelajaran dan faktor keluarga yang mempengaruhi kesukaran memahami subjek. Malahan melalui kajian ini wujud idea baharu serta cetusan inovasi kepada para guru serta pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam bidang pendidikan agar dapat menyediakan perancangan pengajaran dan pembelajaran serta pendekatan teknologi pembelajaran terkini agar budaya membaca dalam kalangan belia Orang Ulu dapat dititikberatkan dengan lebih sempurna dan sesuai dengan kondisi mereka. Beberapa idea dan langkah mengemas kini dalam usaha menambahbaik pendekatan pengajaran dan pembelajaran agar usaha membudayakan semangat membaca dalam kalangan belia Orang Ulu perlu diambil kira agar masyarakat belia Orang Ulu dapat terus dipertingkatkan.

Kesimpulan yang diperoleh melalui kajian ini menunjukkan majoriti responden bersetuju menyatakan faktor tidak minat membaca disebabkan sumber-sumber hiburan lain yang lebih menarik, diikuti kurang galakan daripada ibu bapa, kurang pendedahan tentang kepentingan membaca, banyak buku-buku

berbentuk rekreasi di pasaran dan pihak perpustakaan tidak memberi gambaran sebenar tentang judul-judul buku terkini yang perlu dibaca oleh rakyat Malaysia. Manakala isu bahan bacaan yang dibaca majoriti responden menyatakan setuju surat khabar, komik, majalah popular, internet, iklan, buku agama, majalah hiburan, bahan sebaran menjadi tarikan utama. Berkaitan dengan klasifikasi bahan bacaan yang dibaca, majoriti responden menyatakan bahan berkaitan maklumat semasa, hiburan, perkembangan diri, pekerjaan, motivasi juga menjadi pilihan utama. Apabila menyentuh isu halangan pelajar membaca, jawapan yang diterima daripada responden, majoriti menyatakan harga yang mahal, kekurangan masa, sukar mendapatkan bahan bacaan ilmiah dan terlalu banyak kerja menjadi faktor penyumbang kepada pelajar tidak berupaya membaca. Manakala persepsi terhadap subjek sukar, majoriti responden lebih bersikap optimis dan positif serta bukan menjadi masalah besar dalam proses membaca terutama dalam isu-isu yang ditanya seperti dalam subjek Matematik, Sains Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Berhubung isu sebab dan mengapa subjek ini sukar pada pandangan pelajar, terdapat pelbagai jawapan yang diberikan. Majoriti yang menyatakan sebab kesukaran subjek ini antaranya terlalu banyak formula, masa pembelajaran yang agak padat dan banyak subjek perlu dihabiskan dalam masa terhad.

Manakala faktor peribadi yang menjadi punca kepada kesukaran memahami subjek yang diajar, majoriti responden menyatakan responden sukar mengingat fakta dengan baik, lambat memahami apa yang diajar dalam kelas, sukar memberi tumpuan dalam kelas, tidak fokus ketika sesi pembelajaran, malas, belajar tidak sistematik, tidak berfikiran tajam, tidak berminat pada subjek-subjek tertentu, tidak tahu urus masa dan tidak tahu teknik belajar berkesan. Apabila dikaitkan dengan persekitaran apakah ia juga menjadi penyebab kepada gangguan tumpuan dalam pembelajaran, majoriti responden menyatakan bersetuju disebabkan oleh suasana kelas yang bising, kawasan sekitar kelas tidak kondusif dan kurang kelengkapan pembelajaran di sekolah. Kesimpulan yang terakhir di sini adalah berkaitan dengan pengaruh ahli keluarga, ia tidaklah menjadi masalah besar sangat pada persepsi responden, tetapi jika tidak diberikan perhatian akan mewujudkan suasana pembelajaran yang tidak baik seperti sibuk dengan tanggungjawab keluarga, contohnya perlu menjaga adik-beradik yang masih kecil, tekanan keluarga seperti sikap ibu bapa yang suka bergaduh, tidak ada tempat rujuk untuk bertanyakan masalah-masalah pembelajaran, tiada bantuan pihak lain kecuali guru sahaja dan tidak cukup wang beli buku/nota tambahan.

## RUJUKAN

- Bahagian Pendidikan Guru. 2005. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*. Jilid 1. Kuala Lumpur
- Bahagian Teknologi Pendidikan. 2003. *Panduan Pengurusan Nilam Sekolah*. Kuala Lumpur. BTP

- Bank Data Negeri / Daerah. 2008. Jabatan Perangkaan Malaysia
- Buku Perangkaan Pendidikan Di Sarawak 2014
- Cikgu Rosenah Hj Kahar-kaunselor SMK Kubong. Temubual 2014
- Cikgu Tikom Ak Yabok-Kaunselor SMK (Agama) Limbang. Temubual 2014
- En Mahda Mahli (PK HEM) SMK Kubong. Temubual 2014
- Evette Anak Sagim (PK HEM) SMK Medamit. Temubual 2014
- Hassan Langgulong. 1986. Pendidikan Sepadu Dan Paradigma Ilmu. Kumpulan Kertas Kerja 8 UKM. Terbitan UKM. Bangi Selangor
- Hj. Tamam Hj. Timbang. et al. 2011. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu *Malay Language Education Journal* (MyLEJ) ISSN: 2180-4842, Vol. 1, Bil. 1 (Mei 2011): Lumpur, BPG.
- Mesri b. Sanip. At all. 2008. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan Kepimpinan Dan Pengurusan Sekolah Cemerlang. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Batu Pahat. UTHM
- Mokhtar Petah. 2011. Falsafah Gagasan 1 Malaysia. Amnas Enterprise. Gombak. Selangor.
- Nur Hidayah Ibrahim-kaunselor SMK Medamit. Temubual 2014
- Persada Niah.2010. Majalah SMK Subis. Batu Niah.Miri Sarawak
- Pn Fadhilah Kasim-Pengetua SMK (Agama) Limbang. Temubual 2014
- Pn Liyana-Kaunselor SMK Limbang. Temubual 2014
- Saadi Hamid (PKK) SMK Patiambun. Temubual 2014
- Sanib Said. Dulu Terasing Kini Terjalin Bahagian Limbang. Pejabat Residen Limbang 2009
- Stephen Bejie Anak Ujang-kaunselor SMK Medamit. Temubual 2014
- Syed Idrus Syed Ahmad & R.Santhiram. 1990. Perkembangan Pendidikan Di Sarawak. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

**Profil Penulis:****Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Ph.D**

Jabatan Pengajian Kenegaraan Dan Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
[ahmadnasir@upm.edu.my](mailto:ahmadnasir@upm.edu.my)

**Aryaty Alwie, Ph.D**

Jabatan Sains Sosial  
Fakulti Sains Pertanian Dan Makanan  
Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu, Sarawak  
[aryaty@upm.edu.my](mailto:aryaty@upm.edu.my)

**Jaffary Awang, Ph.D**

Prof Madya  
Jabatan Pengajian Usuluddin dan Falsafah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[jaffary@ukm.edu.my](mailto:jaffary@ukm.edu.my)

**Abd Rahman Mahmood, Ph.D**

Jabatan Pengajian Usuluddin dan Falsafah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[abrm@ukm.edu.my](mailto:abrm@ukm.edu.my)